

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE METHOD OF VERIFYING THE STATUS OF HADITH AND ITS EFFECT IN  
DELIVERY MESSAGE OF DA'WAH]**

**KAEDAH MENGENAL PASTI STATUS HADIS DAN KESANNYA DALAM  
PENYAMPAIAN MESEJ DAKWAH**

Ibtisam Ibrahim<sup>1\*</sup>  
Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh<sup>2</sup>  
Norhashimah Yahya<sup>1</sup>  
Berhanundin Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000  
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

\*Corresponding Author: [ibtisam.ibtasim@gmail.com](mailto:ibtisam.ibtasim@gmail.com)

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

**Abstract**

A hadith conveyed by a narrator without an established authority and status will be a distorted process. It often happens in preaches when preachers used to only state a text of hadith without clearly mentioning its authority and status. This causes misunderstanding in the community and could also reason to widespread of not sourced and unauthorized hadith. The main factor in such misunderstanding could occur when the preachers obtain and self-interpret the hadith without consulting the experts which cause the hadith to be understood only literally or logically. Therefore, this article briefly introduces the method that needs to be followed by each presenter so that each of the hadith conveyed is also complemented by a description of the source and its status. This study uses a qualitative approach by applying data collection methods through library research. Then the data is analyzed using the content analysis method. The study found that one of the initial conditions that the preachers must follow is to make a comprehensive reference to a hadith. It starts from identifying the authoritative hadith until being able to ascertain the context of the hadith. This effort aims to make the presenters more responsible for maintaining the authority of the hadith to ensure that the community is more certain to practice it in life.

*Keywords:* Hadith status, method of hadith takhrij, preacher, preachings.

**Abstrak**

Menyampaikan sesuatu hadis tanpa mengetahui sumber dan statusnya akan mencatitkan proses penyampaian seseorang penyampai. Isu-isu sebegini seringkali berlaku dalam penyampaian mesej dakwah apabila segelintir penyampai hanya mengungkapkan sesuatu nas hadis tanpa

menyebut dengan jelas tentang sumber serta status hadis yang dinyatakan. Kesan daripada hal tersebut mengakibatkan berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat dan boleh menyebabkan berlaku juga penyebaran hadis daripada sumber yang tidak berautoriti. Faktor utama salah faham terhadap suatu hadis boleh berlaku apabila penyampai mendapatkan dan mentafsirkan hadis tanpa merujuk ahlinya serta pemahaman terhadap hadis hanya difahami secara literal atau logik akal semata-mata. Justeru artikel ini memperkenalkan secara ringkas tentang kaedah yang perlu dipatuhi setiap penyampai agar setiap daripada nas hadis yang diungkapkan turut disertai huraian sumber serta statusnya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data melalui kaedah perpustakaan. Kemudian data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati antara keadah awal yang perlu dipatuhi penyampai adalah dengan membuat rujukan secara menyeluruh terhadap sesuatu hadis. Bermula daripada mengenal pasti hadis yang berautoriti sehingga dapat memastikan tentang pendalilan lafaz hadis. Usaha ini bertujuan agar para penyampai lebih bertanggungjawab menjaga autoriti hadis agar masyarakat lebih yakin untuk mempercayai serta mengamalkannya dalam kehidupan.

Kata Kunci: Status hadis, metode takhrij hadis, pendakwah, mesej dakwah

**Cite as:** Ibtisam Ibrahim, Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh, Norhashimah Yahya & Berhanundin Abdullah. 2020. [The Method of Verifying The Status of Hadith and Its Effect In Delivery Message of Da'wah] Kaedah Mengenal Pasti Status Hadis Dan Kesannya Dalam Penyampaian Mesej Dakwah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 143-152.

## PENGENALAN

Hadis merupakan sumber kedua terpenting selepas al-Quran. Manfaat dalam mengenali, memahami serta mengamalkan intipati daripada nas-nas hadis sebenarnya menjadi pelengkap kehidupan bagi seseorang Muslim. Dalam memaknai kehidupan tersebut, umat Islam mesti mengutamakan hadis yang telah disahkan kesahihannya oleh para ulama (Usman & Nasir, 2022) dan menjadikannya sebagai rujukan utama berbanding dengan hadis yang tidak pasti sumber petikannya. Kegagalan memahami dan berpegang kepada nas hadis sahih akan mendedahkan umat Islam kepada kekeliruan dan penyelewengan terhadap nas tersebut, seterusnya menyebabkan sesat dalam akidah serta terbatalnya syariat yang telah dipertanggungjawabkan (Usman & Nasir, 2022).

Maka, menjadi tanggungjawab kepada penyampai-penyampai hadis khususnya pendakwah agar lebih berwaspada ketika memetik mana-mana ungkapan hadis untuk dijadikan hujah dalam pengucapan mereka. Hal ini penting bagi mengelakkan berlaku kekeliruan dalam masyarakat di samping menyelamatkan autoriti hadis daripada sebarang bentuk penyelewengan sebagaimana telah berleluasanya isu pentafsiran hadis yang telah dimanipulasi oleh segelintir individu yang anti hadis (Zulkipli et al., 2021). Maka, dalam usaha memelihara ketulenan hadis, hal ini bukan sekadar perlu kepada kesedaran individu semata-mata, bahkan menjadi kepentingan kepada para penyampai agar turut terlibat sama menekuni ilmu berkaitan hadis. Supaya selari dengan saranan al-Qaradawi (1996) yang menyarankan para pendakwah atau sesiapa sahaja untuk mendalami serta mempraktikkannya menjadi satu manhaj yang tepat dalam memahami sunnah.

## Penyataan masalah

Dalam membincangkan isu berkaitan hadis, salah satu isu paling dominannya adalah tentang periwayatan hadis (Zulkipli et al., 2021). Dalam kajian Zulkipli et al., (2021) menjelaskan, pendustaan terhadap baginda Nabi SAW pernah berlaku setelah kewafatan baginda SAW. Di mana pada ketika ini para munafik mula menonjolkan diri dengan berlakunya kes murtad dalam kalangan umat Islam, menokok tambah dan memalsukan hadis (Abu Zahw, t.t.). Oleh sebab itu, undang-undang periwayatan hadis mula diwujudkan oleh Khalifah Abu Bakar RA bagi memberi ancaman kepada sesiapa sahaja yang mendustakannya (Abu Zahw, t.t) serta meletakkan syarat yang ketat sebelum meriwayatkan sesuatu hadis (Rofiah, 2018). Pelaksanaan ini telah pun dibuktikan pada zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar RA dan Khalifah ‘Umar al-Khattab RA, yang mana periwayatan hadis berlaku dengan sangat berhati-hati sehingga ada dalam kalangan sahabat mendatangkan saksi atau bersumpah untuk mengajarkan hadis (Harahap, 2018).

Namun, apa yang berlaku dalam masyarakat hari ini adalah lebih daripada itu. Berdasarkan penelitian, rata-rata para pengkaji lepas membuktikan isu dan permasalahan tentang penyelewengan hadis ini berlaku atas beberapa faktor. Berikut adalah antara kumpulan isu yang memfokuskan kepada hadis; hadis palsu dicipta kerana adanya unsur tuntutan politik, penyelewengan ahli bida‘ah, sifat taksub, bercanggah dalam kerangka fiqh dan akidah serta ada yang mengungkapkan hadis atas kepentingan dirinya sendiri (Amin, 2011). Berkaitan percanggahan isu akidah juga perlu diberi perhatian serius kerana perkara ini boleh melibatkan berlakunya salah faham dan kecelaruan dalam memahami teks yang boleh memberi kesan kepada akidah dan iman seseorang individu.

Berlaku juga isu penyebaran hadis-hadis palsu (Shah, 2016). Kemudian wujud pula anti hadis yang memanfaatkan aplikasi *Information Communication Technology* (ICT) untuk mengaburi masyarakat dengan maklumat yang bercanggah daripada maksud asal hadis (Zulkipli et al., 2021). Seterusnya yang terbaharu dan amat membimbangkan adalah isu serangan jenayah siber terhadap matan hadis melalui aplikasi digital yang berkemungkinan besar berpotensi berlakunya pencerobohan terhadap perisian tersebut (Zulkipli, 2012). Tanpa disedari, penyebaran kefahaman daripada anti hadis ini semakin berleluasa seiring dengan kemajuan teknologi yang dibekalkan hari ini. Setiap medium dan penggunaan internet tanpa sempadan sememangnya telah membuka jalan mudah bagi mereka dalam usaha menyebarkan dakyah dan ideologi tanpa dikesan oleh pihak berkuasa (Abur Hamdi et al, 2016).

Selain itu, antara isu lain yang turut dibahas dan penting untuk diselesaikan adalah daripada segi etika dan adab para penyampai yang berinteraksi dengan hadis. Perkara ini kebiasaannya seringkali berlaku dalam rangka hendak menyampaikan mesej dakwah yang dibuat secara *verbal* atau *non verbal*. Dalam kajian Nasir et al., (n.d.), kebanyakan para penyampai yang mengungkapkan hadis, mereka tidak mengambil berat tentang hadis yang dikeluarkan dan bagi mereka, berhujah dengan mengeluarkan hadis-hadis tanpa perlu mengetahui taraf hadis tersebut adalah sudah memadai. Malah mereka juga tidak maklum tentang persoalan kedabitan dengan mengenal pasti ketulenan sesebuah hadis. Apa sahaja yang dikatakan sebagai hadis adalah diterima dan boleh diamalkan dalam kehidupan seharian, kemudian disebarkan tanpa meneliti terlebih dahulu kepada *takhrij* dan *tahqiq* para ulama hadis terhadap kedudukannya (Nasir et al., t.th.). Amalan seperti ini nyata sekali menjadi faktor

penyumbang kekeliruan dalam memahami hadis. Hal ini juga memberi kesan yang merbahaya kepada orang awam serta para pelajar yang tidak mengetahui tentang asas-asas mengenai hadis yang pada akhirnya mereka menerima sahaja apa yang disampaikan oleh media. Bagi mereka, segala maklumat yang disampaikan berkaitan dengan agama Islam semuanya adalah baik dan boleh dijadikan amalan dalam kehidupan seharian (Jamil, 2011).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mencapai setiap objektif yang ditetapkan, kajian ini memilih reka bentuk kajian secara analisis dokumen. Kesesuaian reka bentuk ini dilihat menepati untuk menjawab soalan dan permasalahan kajian yang timbul (Masri, 2005). Daripada segi praktikal, analisis terhadap dokumen yang terkandung maklumat pengertian atau konsep tentang ilmu hadis menjadikan ianya sebagai sampel utama kajian ini merujuk karya-karya klasik dan kontemporari. Merujuk karya klasik berupa kitab-kitab arab yang membahas tentang saranan ulama terdahulu tentang keperluan pendakwah memahami ilmu hadis adalah salah satu konsep yang telah diskopkan. Pencarian skop bahan bacaan berkaitan hadis dan dakwah ini juga turut ditinjau dan dikumpulkan menerusi karya-karya kontemporari. Di mana bahan bacaan yang didapati daripada buku, artikel dalam jurnal, prosiding, tesis serta disertasi turut dianalisis setiap inci kandungannya. Kajian ini juga merujuk bahan berbentuk video dan audio yang membincangkan khusus tentang isu-isu penyelewengan tentang hadis daripada pakar-pakar bidang. Data-data yang didapati daripada video dan audio tersebut ditranskripsi, dianalisis, dirumus serta dihasilkan menggunakan pendekatan analisis deskriptif.

## **ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan perbincangan, dapat dinyatakan disini beberapa penjelasan yang menjadi dapatan utama untuk kajian ini. Menurut al-Qaradawi (1996), pendakwah perlu mendalami ilmu yang dapat menerangkan dan mengupas isi al-Quran, iaitu sunnah Nabi SAW. Sunnah Nabi SAW memberikan gambaran tentang kehidupan baginda dan seterusnya memberi pengajaran mengenai sirah baginda SAW dan para sahabat. Pendakwah perlu memahami ilmu hadis supaya pendakwah tidak menggunakan maksud hadis yang telah diseleweng oleh mereka yang mahu menjauhkan umat Islam daripada jalan yang benar. Pendakwah juga perlu bersedia menghadapi kumpulan orientalis yang cuba meragukan umat Islam dengan hadis Nabi SAW. Hadis palsu dan lemah harus dielakkan kecuali jika dimaklumkan dengan jelas mengenai kelemahan atau kepalsuannya. Selain itu, pendakwah perlu bijak membawakan hadis yang mampu diterima oleh masyarakat yang menjadi sasaran dakwahnya. Hadis yang mendatangkan salah faham pada pemikiran mereka harus dijauhi (Aziz, 2018).

Daripada kenyataan ini sebenarnya cuba menzahirkan akan berlaku kecacatan kepada mana-mana pendakwah jika mereka tidak mampu meneroka dengan lebih mendalam tentang bahan isi dakwah yang akan disampaikan kepada sasarannya. Jika tidak diteliti, dikhuatiri apa yang disampaikan itu, selama-lamanya tidak akan jelas sumber rujukannya. Sebagai contoh, hadis-hadis yang diungkapkan tanpa dinyatakan sumber dan syarahnya seringkali berlaku dalam mana-mana penyampaian, walaupun ada sesetengah pihak beranggapan menyatakan sumber hadis adalah tidak perlu. Tetapi tidak kepada para ilmuwan dan ahli akademik,

kesahihan hadis atau apa sahaja isi maklumat yang diungkapkan perlu dikemukakan bukti yang jelas supaya tidak berlaku kesamaran dalam amalan masyarakat Muslim.

Perbincangan ini turut senada dengan pandangan yang dilontarkan oleh Shamsudin (2022), menerusi rancangan bual bicara akademik ‘*Ask Experts*’ yang telah menerangkan bagaimana untuk menggalakkan para penyampai membuat penelitian mendalam terhadap sesuatu hadis yang diungkapkan. Seandainya hadis-hadis yang ditemui itu hadis lemah dan palsu, dan mereka menyedari tentang status hadis tersebut tetapi didalamnya terdapat manfaat yang wajar untuk disebar, maka sangatlah perlu ke atas dirinya untuk memberitahu tentang status hadis tersebut. Tambahan lagi, ini ulasan Shamsudin (2022) berkenaan cara untuk berinteraksi dengan hadis yang statusnya sedemikian;

“Bila nak menyebut satu hadis dari hadis palsu atau hadis *dhaif* (lemah), elakkan menisbahkan hadis tersebut dengan mengatakan “nabi kata...”, digalakkan menggunakan “ada ungkapan”. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik tidak menggunakan hadis-hadis palsu sebagai hujah”.

Ini kerana, tidak semua hadis yang diungkapkan itu sampai sanadnya kepada Nabi SAW. Walau bagaimanapun, dalam konteks penyampaian dakwah, mendatangkan dalil daripada al-quran mahupun hadis adalah satu perkara yang perlu diusahakan bagi pendakwah untuk meyakinkan sasaran dengan bukti yang terdapat di dalam kedua-dua sumber ini. Cuma cara ke arah untuk mendapatkan satu-satu dalil daripada kedua-dua sumber ini memerlukan pengetahuan dan kefahaman khusus tentang manhajnya. Setiap daripadanya ada prinsip dan disiplin ilmunya yang tersendiri. Termasuklah kepada hadis-hadis yang dirujuk.

Pada umumnya, merujuk dan menggunakan hadis yang lemah dan *maudhu’* tidak disebutkan ia satu tindakan yang salah, akan tetapi memilih untuk bersikap lebih selektif ketika berhadapan dengan hadis adalah antara satu tindakan yang perlu diutamakan (Sari, 2020). Walaupun daripada hadis-hadis tersebut memiliki makna yang dapat diterima dan benar, namun hal demikian turut mempamerkan sikap pengabaian terhadap hadis-hadis yang sudah jelas sahih dari segi sanad dan matannya tidak pula dirujuk dan dijadikan sebagai hujah (Sari, 2020).

Maka disini jelas menunjukkan bahawa memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam meneroka sumber, syarah dan status sesuatu hadis sebenarnya menjadi nilai tambah kepada penyampai khususnya pendakwah ketika menyampaikan dakwah. Dalam karya Yusuf al-Qaradawi (1996) berkenaan ‘*Thaqafah Da’iyah*’ dan *Kaifa Nata’amal ma’a al-Sunnah al-Nabawiyyah*, juga ada menggariskan beberapa huraian tentang kaedah penting yang perlu dipatuhi oleh pendakwah ketika berinteraksi dengan hadis. Kesemua huraian ini diulas secara mendalam oleh al-Qaradawi (1996) bagi memastikan pendakwah benar-benar mampu mengemukakan bukti yang jelas diambil daripada sunnah. Maka, dalam perbincangan berikutnya dikemukakan kaedah-kaedah tersebut bagi memudahkan para pendakwah untuk menjalankan pemerhatiannya terhadap hadis-hadis yang ingin dirujuk. Ditemakan kaedah pemerhatian kepada dua tahap, iaitu kaedah mengenal pasti hadis-hadis berautoriti dan kedua kaedah berinteraksi dengan hadis.

## **Kaedah mengenal pasti hadis-hadis berautoriti**

Pendakwah perlu menukilkan hadis daripada sumber yang berautoriti bagi memastikan keautentikan hadis-hadis yang dibawa. Al-Qaradawi (1996) menyebutkan bahawa menjadi satu usaha penting kepada pendakwah untuk bertanggungjawab terhadap hadis-hadis yang dirujuk. Salah satunya adalah dengan menukilkan mana-mana hadis yang terdapat di dalam kitab-kitab yang muktabar terlebih dahulu seperti *kutub al-Sittah* atau *kutub al-Tis'ah* berbanding kitab-kitab hadis yang lain. Sekiranya tidak mampu, pendakwah boleh juga merujuk kitab-kitab ringkasan hadis seperti *Mukhtasar Sahih Bukhari* atau *Sahih Muslim* dan sebagainya.

Disamping itu, pendakwah juga boleh merujuk kitab-kitab yang menghimpunkan hadis-hadis berdasarkan objektif-objektif tertentu seperti kitab *al-Azkar*, *Matan al-Arba'in* dan *Riyad al-Salihin* karya al-Nawawi, *al-Targhib wa al-Tarhib* oleh al-Munziri, *Umdat al-Ahkam* oleh Ibn Daqiq al-'Id dan beberapa lagi. Selain itu, memahami teks hadis secara mendalam boleh dilakukan oleh pendakwah dengan merujuk kepada kitab-kitab syarah hadis (Al-Qaradawi 1996; Hawwa 1992). Begitu juga dengan kitab-kitab kompilasi yang menghimpunkan hadis-hadis daripada pelbagai jenis kitab. Seperti *Jami' al-usul* karya Ibn al-Athir yang mana kitab ini menghimpunkan hadis-hadis utama seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi, dan Nasa'i (al-Qaradawi, 1996).

## **Kaedah berinteraksi dengan hadis**

Secara umumnya untuk berinteraksi dengan hadis, terdapat beberapa prinsip dan kaedah yang harus dipatuhi pendakwah. Aurani et al., (2011) menjelaskan banyak kaedah yang telah dikemukakan oleh sebahagian ulama. Bahkan Aurani et al., (2011) juga turut merujuk prinsip dan kaedah yang telah digariskan oleh al-Qaradawi (1996). Prinsip dan kaedah tersebut dihuraikan secara komprehensif dan seharusnya menjadi panduan penting kepada pendakwah agar lebih teliti dalam memetik dan mengulas sesuatu hadis.

Kepentingan memahami kaedah menukilkan hadis dengan tepat akan memberi manfaat besar kepada seseorang penyampai. Manfaatnya adalah apabila tidak akan diragui penghujahan seseorang penyampai jika dibawa bersama penjelasan yang komprehensif daripada kitab-kitab syarah. Oleh sebab itu, Shamsudin (2022) sangat menitikberatkan hal ini dengan menjelaskan, untuk faham mana-mana petikan daripada hadis nabawi sememangnya perlu dilihat kepada syarah hadis. Shamsudin (2022) menerangkan pandangannya dengan mendatangkan contoh jelas tentang suatu hadis yang seringkali diungkapkan dalam kalangan masyarakat;

“ Bagaimana nak berinteraksi dengan hadis nabi? Pertama, nak faham hadis tak boleh faham secara literal. Nak faham hadis kena himpun hadis-hadis sahih yang lain. Kena rujuk kitab yang mengarang tentang hadis tersebut. Sebagai contoh berkenaan hadis yang dibincangkan ulama, salah satunya tentang wanita yang diciptakan dari tulang rusuk lelaki. Tulang rusuk itu hanya tamsil (perumpamaan). Bukan diciptakan dari tulang rusuk. Nak katanya jiwa wanita itu halus. Penekanan Nabi supaya melayani kaum keluarga, bukan isteri sahaja, mana-mana wanita isteri, ibu, anak perempuan dan sebagainya dengan layanan baik.”

Hal ini jelas menunjukkan bahawa merujuk kepada kepelbagaian syarah hadis adalah suatu kemestian yang perlu dipraktikkan pendakwah untuk beristidlal. Maka berikut adalah

kaedah yang digariskan oleh al-Qaradawi (1996) untuk berkomunikasi dengan hadis. Ringkasnya dihuraikan sebagaimana berikut;

Memahami hadis berdasarkan konteks al-Quran; al-quran sememangnya menjadi pelengkap untuk memahami hadis. Dalam memahami suatu hadis dengan tepat, ianya harus difahami sesuai dengan petunjuk al-Quran. Apabila hadis tidak difahami sesuai dengan petunjuk al-quran, maka hadis tersebut dinamakan hadis gharaniq. Hadis tersebut tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan al-quran walaupun sanadnya sahih.

- 1- Mengumpulkan hadis-hadis dalam satu tema yang sama; terlebih dahulu adalah menjadi satu keperluan untuk menghimpunkan semua hadis yang berkaitan dibawah satu tema yang sama. Kemudian dianalisis kandungannya yang mutasyabih kepada muhkam, mengaitkan yang mutlak dengan muqayyad, dan mentafsirkan yang umum dengan yang khusus. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maksud dengan jelas dan tidak ada perbezaan antara satu hadis dan hadis yang lain.
- 2- Menghimpunkan atau mentarjih (pilih) hadis-hadis yang bertentangan; dalam perkara ini, al-Qaradawi (1996) menyingkapi hadis yang bertentangan dengan cara menggabungkannya antara keduanya. Bermaksud dengan kaedah penyelarasan ini kita dapat mengenal pasti dan menghilangkan nas-nas sahih yang saling bertentangan antara satu sama lain. Sementara tarjih pula dimaksudkan penggunaannya dengan mendahulukan sesuatu hadis dan mengabaikan satu hadis yang kelihatan bertentangan. Pada dasarnya, dalil syarak tidak berlaku pertentangan antara satu sama lain kerana kebenaran tidak akan bertentangan dengan kebenaran. Maka, perbahasan ini wujud dalam kaedah ini kerana menghimpun dan menyelaraskan hadis adalah kaedah yang terbaik jika didapati berlaku pertentangan terhadap satu-satu hadis.
- 3- Memahami hadis berdasarkan sebab dan latar belakang (Asbab wurud al-hadis); melihat kepada sebab atau 'illah berlakunya hadis berkenaan juga termasuk kepada kaedah yang penting dalam memahami hadis. Kaedah ini adalah perlu untuk mengetahui sebab-sebab yang menjadi latar belakang hadis tersebut. Ini bermakna, para ulama menjelaskan bahawa hadis dibina untuk menjaga maslahat atau untuk menolak mudarat pada masa tertentu.
- 4- Membezakan diantara wasilah dan hadaf (tujuan) sesebuah hadis; antara sebab yang boleh menyebabkan berlakunya kepincangan dalam memahami sunnah adalah gagal untuk membezakan di antara wasilah dan tujuan. Aspek wasilah terlalu ditekankan, seolah-olah itu adalah maksud dan matlamat sebenar sunnah. Sedangkan bagi yang benar-benar mengkaji hadis, mereka memahami hadis Rasulullah SAW sehingga dapat dilihat dengan jelas tentang tujuan hadis tersebut. Oleh sebab itu, tujuan atau disebutkan juga sebagai matlamat adalah lebih jelas dan abadi sifatnya, sedangkan wasilah yang ditekankan itu hanya bersifat sementara dan boleh berlaku perubahan terhadapnya.
- 5- Membezakan antara uslub hakikat dan majaz (kiasan); Rasulullah SAW merupakan bangsa Arab yang paling fasih. Oleh itu, teks hadis bukan hanya datang dalam bentuk literal sahaja tetapi boleh juga datang dalam bentuk kiasan. Memahami hadis dengan makna majaz ada kalanya menjadi satu kemestian. Jika tidak akan menyebabkan terjadinya salah faham serta tidak boleh diterima.

- 6- Membezakan antara perkara-perkara ghaib dan realiti; mempercayai perkara-perkara ghaib termasuk syarat penerimaan iman seseorang. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran al-Karim serta terdapat juga di dalam sunnah nabi memandangkan hadis berfungsi sebagai penjelas kepada al-Quran. Sebahagian perkara ghaib ini tidak tercapai oleh akal manusia untuk memikirkannya. Oleh itu kaedah apabila berhadapan dengan hal-hal ghaib amatlah mudah iaitu beriman dengan segala hal-hal ghaib yang sabit daripada al-quran dan al-sunnah.
- 7- Memastikan pendalilan lafaz hadis; antara perkara yang penting untuk memahami sunnah ialah dengan meneliti dan membuat perincian terhadap maksud lafaz yang terdapat dalam sunnah kerana maksud sesuatu lafaz itu berbeza dengan perbezaan tempat dan masa. Perkara ini merupakan suatu yang umum diketahui oleh ahli bahasa disebabkan oleh perkembangan bahasa dan kesan perubahan zaman dan tempat terhadap bahasa itu sendiri. Jika menyalahi pemahaman makna lafaz, akan berlakulah kecelaruan ketika memahami al-Sunnah.

### **Kesan berinteraksi dengan hadis terhadap akidah**

Berinteraksi dengan hadis secara betul dan menepati syarat-syaratnya sudah pasti memberi kesan kepada akidah seseorang Muslim. Hal ini adalah untuk mengelak berlakunya perselisihan pendapat oleh golongan anti hadis. Antara hujah mereka berkaitan soal akidah adalah berhubung tentang penafian lafaz syahadah yang kedua (Abur Hamdi et al, 2016). Mereka mempertikaikan dua kalimah syahadah dengan menganggap syahadah yang kedua sebagai mendewa-dewakan Nabi Muhammad SAW. Mereka juga mendakwa bahawa syahadah bukanlah menjadi penentu utama tentang keislaman seseorang (Abdul Mukti, 2016).

Perkara ini perlu dipandang serius kerana soal akidah tidak boleh diambil ringan. Apatah lagi bila berlakunya salah faham terhadap pegangan akidah yang sebenar boleh menjerumuskan diri ke lembah kesyirikan. Malah, kesannya juga akan melahirkan kumpulan ajaran sesat yang dilihat begitu mudah mempengaruhi anggota masyarakat Islam sehingga menimbulkan perpecahan (Zaidul et al, 2019).

Keruntuhan akidah seseorang Muslim juga berpunca daripada salah faham terhadap pentafsiran al-Quran dan hadis yang bertentangan dengan maksud sebenar. Sedangkan sebagaimana yang sedia maklum, al-Quran dan hadis adalah sumber syariat yang utama dalam Islam dan kedua-dua sumber ini jelas sekali tidak boleh disalah tafsir mengikut hawa nafsu individu mahupun golongan tertentu. Apatah lagi apabila timbul golongan anti hadis yang hanya membuat pentafsiran dan huraian terhadap hadis-hadis mengikut akal semata-mata tanpa merujuk kepada sumber yang berautoriti. Malahan timbul pula sebilangan golongan yang juga tidak memperakui ketulenan pandangan ulama-ulama muktabar ( Zaidul et al, 2019).

Berkaitan hal ini, punca utama yang dapat dikesan juga adalah ketandusan dan kejahilan ilmu yang menyebabkan berlakunya perkara sedemikian. Apabila hanya mengutamakan akal semata-mata tanpa merujuk kepada kesahihan sumber al-Quran dan hadis sudah pasti penghujungnya akan sampai kepada kesesatan. Maka yang demikian, dalam meneliti perkara ini kaedah berinteraksi dengan hadis secara tepat amat penting terutamanya apabila melibatkan soal akidah dan hal-hal berkaitan hukum hakam.

## KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa untuk memahami serta mempraktikkan kaedah yang digariskan sebahagian ulama tentang mengenal pasti sesuatu hadis merupakan salah satu metode penting pada masa kini. Dengan isu yang berlaku sejak akhir-akhir ini, semua umat Islam harus peka terhadap sebarang riwayat yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW. Tujuannya adalah untuk memastikan keautentikan hadis terus terpelihara dan sewajarnya kita perlu berwaspada dengan merujuk agamawan yang mahir dalam bidang hadis. Oleh sebab itu, kajian ini benar-benar berharap agar mana-mana penceramah tidak terlalu ghairah dan mudah menukilkan hadis tanpa mengetahui statusnya. Sebaiknya, perlu dilakukan semakan status hadis terlebih dahulu kerana dibimbangi hadis yang disampaikan itu merupakan hadis palsu. Maka hal ini secara tidak langsung akan mendedahkan umum kepada fitnah penyebaran hadis palsu yang amat dimurkai oleh Rasulullah SAW. Justeru itu, amatlah digalakkan kepada semua pihak yang berkemampuan khususnya pendakwah agar melazimi kaedah yang disarankan ulama untuk menggunakan kitab-kitab yang telah dikenalpasti keaslian hadisnya. Kitab hadis yang muktabar seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Riyadh al-Salihin dan kitab-kitab lain yang telah diperakui kebenarannya.

## RUJUKAN

- Abu Zahw. M. t.th. *Al-Hadis wa al-Muhaddithun*, t.tp.: t.pt.
- Abur Hamdi Usman & Mohd Norzi Nasir. 2022. Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat. *Journal Hadis*, 12(23): 34–50.
- Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir & Suriani Sudi. 2016. Hujah Golongan Anti Hadith: Analisis Kritis. *Conference: Seminar Antarabangsa Aqidah & Pemikiran Islam (ICONAIT) 2016*. Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, hal. 214-230.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Thaqafah al-Da'iyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Faisal Ahmad Shah. 2016. Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa Dan Media Sosial: Realiti Dan Cabaran. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit*, 11: 9-27.
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail. 2018. Pembentukan Trait Personaliti Pendakwah dalam Kalangan Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di Islamic Outreach ABIM Centre. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Al-Hikmah* 10(1): 34-54.
- Jamalia Aurani, Wan Naimah Wan Daud, Ahmad Termizi Lateh, Noor Azura Zainuddin. 2011. Kaedah Berinteraksi dengan al-Sunnah yang bertentangan dengan Realiti Semasa Berdasarkan Prinsip Dr. Yusuf Al-Qaradawi. *Jurnal Intelek*, 6(2): 177–186.
- Jamil, J. 2011. *Pengamalan Hadith Masyhur yang Daif Berkaitan Ilmu dalam Kalangan Pelajar Jabatan Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marlina Ratna Sari. 2020. Dampak Penyebaran Hadis Lemah dan Palsu dalam Tatanan Kehidupan Bermasyarakat. *Jurnal Kajian Hadis Dan Integrasi Ilmu*, 1(1), 99–110.
- Mohd Fauzi Amin. 2011. Hadis Palsu: Ramai yang Tertipu. *Al-Islam*, Isu Ogos 2011 (pp. 18-21).
- Nasir, M. N., Mahadzir, B. H., & Zin, S. M. M. t.th. Kefahaman Terhadap Hadis Daif yang Masyhur di Kalangan Mahasiswa Jabatan al-Quran dan al-Sunnah. t.tp.: t.pt.
- Radinal Mukhtar Harahap. 2018. Hadis Pada Masa Nabi Muhammad Saw Dan Sahabat, Al-Bukhari. *Jurnal Ilmu Hadis*, 1(1): 37-51.
- Rofiah, K. 2018. *Studi Ilmu Hadis*. Yogyakarta: IAIN PO Press.

- Shahril Nizam Zulkipli, Norazmi Anas, Ishak Suliaman, Anasztasia Natasha Muhamad Ramlan & Amin Che Ahmat. 2021. Pemeliharaan Hadis dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0): Isu dan Cabaran. *Journal of Social Sciences*, 7(2): 95–106.
- Shamsudin, R. 2022. Hadis-hadis Interaksi Nabi Muhammad SAW dengan Wanita, dalam Lintas Langsung Bual Bicara Akademik “*Ask Experts*” Episod 33 pada 21 Julai 2022. Tarikh akses pada 30 Julai 2022. Rujuk laman: [https://fb.watch/eAvmLh\\_1HP/](https://fb.watch/eAvmLh_1HP/) .
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Zaidul Amin et al. 2019. *Kebebasan Beragama Menurut Kassim Ahmad: Sorotan Awal*. International Seminar on Islamiyyah Studies. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Zulkipli, Shahril Nizam. 2012. Pemeliharaan Hadith di Internet: kajian terhadap laman web al-Durural-saniyyah dan Islamweb/Shahril Nizam bin Zulkipli. Disertasi Doktor. Universiti Malaya.